

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT	BERDAFTAR DENGAN CIDB/ KEMENTERIAN KEWANGAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TARIKH TENDER DITUTUP
<p>Cadangan Kerja-Kerja Pengerukan Penyelenggaraan Di Semua Alur Pelayaran Utama Pelabuhan Klang Tahun 2024</p> <p>NO. TENDER LPK/T/02/06/2024(JGM)</p>	<p>Terbuka A1</p>	<p>Gred: G7</p> <p>Kategori: CE</p> <p>Pengkhususan: CE40</p>	<p>Jabatan Gerakan Marin, Tingkat 2 Lembaga Pelabuhan Klang Jln Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang Selangor</p> <p>Rabu 7 Ogos 2024 hingga Rabu, 21 Ogos 2024 pada waktu pejabat</p>	<p>RM500.00</p>	<p>Rabu, 28 Ogos 2024</p> <p>Pada jam 12.00 tengah hari</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>
<p>Kontraktor adalah diwajibkan menghadiri taklimat tender pada 7 Ogos 2024 (Rabu) Jam 10.00 pagi di Bilik Swettenham, aras bawah, Lembaga Pelabuhan Klang, Jln Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang Selangor.</p>					
<p>Keupayaan Kontraktor:</p> <ol style="list-style-type: none"> Menyediakan minima dua buah kapal keruk Trailing Suction Hopper Dredger (THSD) dengan kapasiti: <ol style="list-style-type: none"> Melebihi 10,000m³ dan: Diantara 5,000m³ hingga 10,000m³ Menyediakan kapal keruk "Clamshell" beserta 3 unit "hopper barge" bagi pengerukan di Jeti Awam, Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang 					

- Kontraktor yang ingin menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN HADIR** dalam **TAKLIMAT TENDER** yang akan diadakan pada masa seperti yang ditetapkan. Hanya kontraktor **yang hadir taklimat sahaja DIBENARKAN** untuk menyertai tawaran ini. Perbelanjaan adalah atas tanggungan kontraktor. Hanya penama di Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat. Kontraktor **tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama** di PPK, dalam kod bidang seperti diatas untuk menghadiri taklimat. Setiap syarikat hanya dihadkan kepada dua orang sahaja untuk hadir taklimat.
- Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam **bentuk wang tunai, bayaran atas talian, atau kad kredit/debit**. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
- Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender LPK/T/02/06/2024 (JGM) dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Lobi Utama Ibu pejabat LPK sebelum jam **12.00 tengahari, 28 Ogos 2024 (Rabu)**. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
- Lembaga Pelabuhan Kelang tidak terikat untuk menerima Tender yang terendah atau lain-lain tawaran.

*Jenis pendaftaran; A1 – Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; atau Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% warganegara tempatan.